

12 DEC 1997

ASB-dividen

PULANGAN DIVIDEN DAN BONUS ASB SEBANYAK 11.5 PERATUS

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini mengumumkan pembayaran dividen dan bonus sebanyak 11.5 peratus bagi pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sepanjang 1997 berbanding dengan 13.25 peratus pada 1996.

Peruntukan untuk pembayaran dividen dan bonus meningkat 8.24 peratus kepada RM3.3 bilion (1996:RM3.048 bilion) di mana RM2.94 bilion (1996:RM2.357 bilion) adalah untuk bayaran dividen dan selebihnya RM360 juta (1996:RM691 juta) adalah untuk bayaran bonus.

Demikian menurut kenyataan pengumuman oleh pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dibaca oleh pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Ahmad Sarji berkata jumlah dividen dan bonus ini adalah yang terbesar yang pernah dibayar kepada pelabur-pelabur sejak Skim Amanah Saham Nasional/ASB dilancarkan.

Jumlah dividen tersebut adalah bersamaan dengan pulangan sebanyak 10.25 peratus (1996:10.25 peratus) ke atas unit-unit saham yang meningkat sebanyak 17.74 peratus kepada 29.5 bilion unit yang diwujudkan sehingga 31 Dis 1997 berbanding 25.054 bilion unit pada akhir 1996.

Sementara itu, bayaran bonus telah merosot kepada 1.25 peratus daripada tiga peratus tahun lepas disebabkan oleh kejatuhan besar harga pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, katanya pada persidangan berita bagi mengumumkan dividen dan bonus ASB di sini hari ini.

Bagi tahun 1997, Ahmad Sarji berkata skim ASB memperolehi pendapatan sebanyak 31.8 peratus daripada dividen, 63.4 peratus daripada keuntungan jualan balik pelaburan dan selebihnya daripada pendapatan lain.

Pada 1996, sebanyak 24.6 peratus daripada pendapatan skim tersebut adalah daripada dividen dan 71 peratus daripada keuntungan jualan balik pelaburan.

"Saya berharap pelabur-pelabur akan terus mengekalkan perolehan dividen dan bonus yang akan diperolehi di dalam Skim ASB dan juga terus menambah pelaburan kerana skim ini merupakan tabungan pelaburan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan," kata Ahmad Sarji.

Tambah beliau, pelaburan menerusi pasaran modal ini akan menjadikan kumpulan wang yang dilaburkan lebih produktif dan secara tidak langsung akan membantu membanteras inflasi.

Sementara itu semua jenis urusan niaga bagi Skim ASN dan Skim ASB akan ditangguhkan mulai 16 Dis 1997 hingga 1 Jan 1998 bagi pengiraan dividen dan bonus.

Urus niaga Skim Amanah Saham Wawasan 2020 pula boleh dilakukan seperti biasa dan tidak tertakluk kepada penangguhan tersebut. -- BERNAMA
sho sia